



**JABATAN PERHUTANAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2: BERMULA 7 JULAI 2021**

---

**SOALAN LAZIM (FAQ)**

- 1. Apakah aktiviti yang dibenarkan beroperasi bagi sektor Perhutanan semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 yang bermula pada 7 Julai 2021?**

Berdasarkan kelulusan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), aktiviti **Pengusahasilan Hutan (Pembalakan Berskala Kecil)** dan **Perindustrian Kayu (Industri Berasas Kayu)** dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP 3.0 Fasa 2, sebagai tambahan kepada aktiviti **Penguatkuasaan Dan Rondaan Perhutanan** yang telah dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP 3.0 Fasa 1.

- 2. Apakah dimaksudkan dengan aktiviti Pengusahasilan Hutan (Pembalakan Berskala Kecil)?**

**Terdapat 2 kategori aktiviti Pengusahasilan Hutan (Pembalakan Berskala Kecil) iaitu:**

**Pertamanya: Pembalakan Melalui Kaedah Tebangan Memilih dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK)**

laitu merujuk kepada pembalakan yang dijalankan dalam suatu kawasan lesen yang dikawal mengikut blok-blok tebangan yang dibenarkan (hanya satu blok tebangan pada satu-satu masa) dengan bilangan jentera dan pekerja yang minimum serta pengeluaran tidak melebihi 200 meterpadu sehari.

**Kedua: Pembalakan Melalui Kaedah Tebang Habis dalam HSK (paya bakau), Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik**

laitu merujuk kepada pembalakan yang dijalankan dalam kawasan lesen yang dipecahkan kepada blok-blok tebangan yang lebih kecil dengan keluasan tidak melebihi 10 hektar dengan bilangan jentera dan pekerja yang minimum serta pengeluaran tidak melebihi 100 meterpadu sehari.

**3. Adakah semua Industri Berasas Kayu boleh beroperasi di sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 2?**

**TIDAK.** Pengoperasian Industri Berasas Kayu ini hanya yang melibatkan aktiviti industri berasas kayu yang dikawalselia oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan pelesenan oleh Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) di bawah Enakmen Industri Berasas Kayu 1985.

**4. Apakah dengan menggunakan SOP Pengusahasilan Hutan (Pembalakan Berskala Kecil) dan Perindustrian Kayu (Industri Berasas Kayu), membolehkan pelesen/pekilang/pekerja merentas daerah sepanjang tempoh PPN Fasa 2?**

**TIDAK.** Pelesen pengusahasilan hutan dan pekilang industri berasas kayu masih perlu mendapatkan surat pengesahan daripada Pengarah Perhutanan Negeri di negeri masing-masing bagi mengesahkan pelesen/pekilang mempunyai lesen mengusahasil hutan dan lesen industri berasas kayu yang masih berkuatkuasa. Pelesen boleh menggunakan surat pengesahan ini bagi tujuan memohon permit merentas daerah untuk pekerja-pekerja masing-masing daripada PDRM.

**5. Adakah lesen pengusahasilan hutan yang lain seperti lesen mengeluarkan buluh dan rotan boleh beroperasi sepanjang tempoh PPN Fasa 2?**

**TIDAK.** Hanya aktiviti pembalakan berskala kecil secara tebangan memilih (hutan darat) dan secara tebang habis (hutan paya laut) dalam HSK dan pembalakan secara tebang habis di kawasan tanah kerajaan dan tanah bermilik sahaja dibenarkan.

**6. Adakah Balai Pemeriksa Hutan akan dibuka sepanjang tempoh PPN Fasa 2?**

**YA.** Balai Pemeriksa Hutan dibuka sepanjang tempoh PPN Fasa 2 tertakluk kepada tempoh operasi yang dibenarkan oleh SOP MKN.

**7. Bagaimanakah jika saya ingin mengetahui maklumat dan pemakluman terkini yang berkaitan sektor perhutanan atau Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia?.**

Semua maklumat dan pemakluman terkini yang berkaitan sektor perhutanan atau Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia boleh disemak melalui Media sosial (*Facebook, Instagram dan Twitter*) rasmi JPSM dan laman sesawang rasmi iaitu [www.forestry.gov.my](http://www.forestry.gov.my).

**8. Adakah sebarang pertanyaan/aduan awam masih diterima jabatan sepanjang tempoh PPN Fasa 2?**

**YA.** Orang awam boleh membuat pertanyaan dan menyalurkan sebarang aduan berkaitan sektor perhutanan di talian 03-26164488 atau 1-800-88-5776 atau 013-5545030. Pertanyaan dan aduan juga boleh dibuat melalui [aduan@forestry.gov.my](mailto:aduan@forestry.gov.my) atau [webmaster@forestry.gov.my](mailto:webmaster@forestry.gov.my).